**LANG SIKAP**
Crested Goshawk

FAMILI: Accipitridae
NAMA SAINTIFIK: *Accipiter trivirgatus*



**CIRI-CIRI**
Mempunyai jambul yang pendek di bahagian belakang kepala. Individu dewasa mempunyai bahagian atas badan yang berwarna coklat gelap dengan bahagian kepala dan jambul berwarna kekelabuan. Bahagian bawah badan jelas kelihatan dengan garis-garis berwarna coklat dan putih. Bagi individu juvenil, warna kepala agak coklat dengan jambul yang berwarna keputihan. Bahagian badan pula berwarna putih dengan bintik-bintik, berbeza daripada individu dewasa yang mempunyai garis-garis coklat dan putih.

**SAIZ**
Panjang keseluruhan bagi burung dewasa adalah di antara 40.0-46.0 sm panjang. Berat 224-450 gm.

**MAKANAN**
Mamalia, burung, reptilia, amfibia, ikan, ketam, moluska dan serangga.

**HABITAT**
Ditemui di hutan hujan tropika, hutan dipterokap dan hutan konifer hinggalah ke ketinggian 1,950 m dari aras laut (di Semenanjung Malaysia, spesies ini boleh ditemui pada ketinggian di bawah 245 m dari aras laut).

**BUNYI**
Mengeluarkan bunyi ***he he hehehehe*** seakan-akan menjerit dan bunyi ***chiup*** yang bernada tinggi apabila mengesan bahaya.

**TABIAT**
Menangkap mangsa dengan menyerang beberapa kali daripada tempat berteng-gek yang tersembunyi. Juga mengambil makanan terdiri daripada anak-anak burung di dalam sarang.

**PEMBIAKAN**
Membiak antara bulan Disember hingga September dengan bilangan telur 2 biji, kadang-kadang 1-3 biji.

**STATUS:**
Akta 76/72, diperlindungi. CITES-
Appendiks 2